

17 OCT 2002

Mahathir-Demokrasi/I

MALAYSIA AMALKAN DEMOKRASI, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Zulkefli Salleh

NEW DELHI, 17 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau tidak malu dengan amalan demokrasi di Malaysia yang didakwa sesetengah pihak sebagai bukan demokrasi.

Beliau berkata Malaysia sebenarnya adalah negara demokrasi dan demokrasinya diamalkan dengan rakyatnya yang memahami batasan dan tujuan demokrasi.

"Sesetengah negara menganggap mereka sebagai republik demokratik tetapi mereka sebenarnya bukan mengamalkan demokrasi. Saya tahu banyak negara seperti itu tetapi saya tidak mahu menamakannya," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan peserta Sidang Kemuncak Perniagaan India-Asean anjuran Persekutuan Dewan Perdagangan dan Perindustrian India di sini. Perdana Menteri sebelum itu menyampaikan ucapnama bertajuk "Asia 2020: Cabaran dan Prospek".

Dr Mahathir berkata sebenarnya terdapat banyak jenis demokrasi, demokrasi liberal dan demokrasi terpimpin tetapi yang penting dalam semua demokrasi ialah keupayaan memilih pemimpin dan kerajaan serta keupayaan menggulingkannya menerusi peti undi.

"Ada orang mengatakan jika ada demonstrasi baru ada demokrasi. Di sesetengah negara sentiasa berlaku demonstrasi dan kesatuan sekerja sering melancarkan mogok," katanya.

Beliau berkata di Malaysia, kesatuan sekerja tidak bertindak seperti itu bagi menyuarakan bantahan atau kekecewaan kerana sedar perbuatan seperti itu akan menakutkan pelabur.

"Rakyat Malaysia tahu batasan demokrasi," katanya.

Dr Mahathir berkata ada media Barat memandang rendah kepada negara membangun dan menyifatkan "orang-orang kulit berwarna" tidak pandai memerintah.

"Barat seolah-olah lebih banyak mengetahui mengenai kita daripada diri sendiri...Saya tidak malu dengan demokrasi di Malaysia. Ia adalah demokrasi dan demokrasi yang hidup," katanya.

Perdana Menteri yang tiba di sini dari Hyderabad tengah hari tadi sedang dalam rangka lawatan selama tiga hari ke negara demokrasi terbesar di dunia.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan turut ditanya bagaimana Malaysia membangunkan ekonominya serta kejayaan mengharungi krisis kewangan dunia pada 1997.

Ucapnama selama 40 minit itu mendapat tepukan gemuruh para peserta yang terdiri daripada ahli-ahli perniagaan India, begitu juga terhadap jawapan Dr Mahathir semasa sesi soal jawab selepas itu.

Beliau kemudian berjumpa Presiden Abdul Kalam dan rakan sejawatnya Atal Bihari Vajpayee sebelum mengetuai mesyuarat delegasi.

Dr Mahathir pagi esok dijadual mengadakan sidang media sebelum berlepas ke Islamabad bagi lawatan sehari ke Pakistan.

-- BERNAMA

ZS HK MOZ